

Aktiviti Sosial dan Sukan

April 2003 to
Jun 2004

April 2003

- Kumpulan AmBank, Kawasan Selatan menganjurkan majlis makan malam tahunannya bertema "The Nite of Brilliant Rouge and Sparkling Jaune"
- AmFinance Pulau Pinang menganjurkan lawatan sambil belajar untuk ahli-ahli Savers' G.a.n.g ke Muzium Perang, Pulau Pinang
- Kumpulan AmBank muncul sebagai Juara untuk Divisyen Satu Liga Bola Sepak Bank Nasional

Mei 2003

- AmAssurance menganjurkan Konvensyen Nasional ke-15 untuk meraikan para agen dan ketua agensinya
- Kumpulan menyumbang sebanyak RM10,000 kepada Yayasan Sultanah Bahiyah melalui Yayasan Arab-Malaysian
- Yayasan MMA menerima bantuan Kumpulan melalui sumbangan bernilai RM100,000
- Kelab AmBank Group menganjurkan Acara Mencari Harta Karun Tahunannya ke Kuantan, Pahang, acara yang pertama di antara dua, bertemakan "Let's Duit!"
- Pasukan Hoki Kumpulan AmBank menduduki tempat ketiga di Liga Antara Institusi-Institusi Kewangan

Jun 2003

- Kelab AmBank Group menganjurkan Acara Mencari Harta Karunnya yang kedua. Inilah kali pertama Kelab AmBank Group menganjurkan dua acara mencari harta karun dalam setahun

Julai 2003

- Ahli pemegang akaun Savers' G.a.n.g. dari AmFinance Melaka menyertai lawatan sambil belajar ke Pusat Sains Negara dan TV3, Kuala Lumpur
- AmFinance Perak membawa pemegang akaun Savers' G.a.n.g ke Perpustakaan Awam Negeri Perak
- AmAssurance menganjurkan 'Program Gotong-Royong' untuk membantu membersihkan Rumah Anak-anak Yatim Kota Tinggi, Johor. AmAssurance juga menyumbang RM3,000 kepada Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Kota Tinggi, Johor, untuk membantu mereka dengan pembiayaan kos pengurusan harian



▲
Kanak-kanak (atas) dan kakitangan (bawah) bergembira semasa Hari Keluarga Kawasan 5 Kumpulan AmBank di Kuantan.
▼





◀ Bekas Perdana Menteri Y A Bhg Tun Dr Mahathir Mohamad bersama para penyumbang Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu (YPMKP), termasuk Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi Kumpulan AmBank (berdiri, kedua dari kanan).

Ogos 2003

- AmInvest telah melancarkan promosi Malaysian Charity Draw (MCD) untuk membantu Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPOC) untuk memungut derma untuk enam projek badan kebajikan
- Kumpulan telah menyumbang RM5,000 kepada Malay Mail Big Walk 2003, yang telah menarik sejumlah 10,000 orang peserta
- Kumpulan AmBank mengambil bahagian dalam The Edge Kuala Lumpur Rat Race 2003, dengan penyertaan sepasukan lima ahli olahraga
- Kelab AmBank Group menganjurkan AmBagus 2003, peraduan menyanyi tahunan yang popular untuk ahli-ahli kelab dan kakitangan
- AmAssurance Berhad melancarkan Program Kemajuan Kerjaya Agensi untuk memberi sokongan kepada agen-agen untuk mengembangkan pangkalan pelanggan

September 2003

- Pertandingan Futsal ulung Kelab AmBank Group diadakan dan telah menarik 66 pasukan kakitangan Kumpulan AmBank
- Persatuan Bank-bank di Malaysia (The Association of Banks in Malaysia, ABM), Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia (Association of Finance Companies of Malaysia, AFCM) dan Persatuan Bank-bank Saudagar di Malaysia (Association of Merchant Banks in Malaysia, AMBM) menganjurkan Jamuan Penghargaan untuk Y A Bhg Tun Dr Mahathir bin Mohamad (bekas Perdana Menteri)
- Pertemuan Olahraga Kelab AmBank Group diadakan, dengan kehadiran seramai 500 orang ahli dan pengurusan
- Cabaran-Eko Tahunan Kumpulan AmBank 2003 yang keempat dianjurkan oleh Kelab AmBank Group

Oktober 2003

- Ahli-ahli Savers' G.a.n.g. menyertai lawatan sambil belajar ke Pangkalan Udara Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) di Pahang
- Kumpulan AmBank menyumbang RM75,000 kepada Persidangan Organisasi Islam (Organisation of the Islamic Conference, OIC) yang ke-10 sebagai Bank Rasmi dan Agen Forex di Ekspo OIC
- Kumpulan AmBank juga telah menyumbang kepada Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu (YPMKP), satu organisasi kebajikan
- Kelab AmBank Group menganjurkan lawatan ke Zoo Negara dan GSC Midvalley Megamall untuk kanak-kanak yang kurang bernasib baik
- Pasukan Hoki Kumpulan AmBank muncul sebagai Johan dalam Liga Bahagian II 2003 Persatuan Hoki Kuala Lumpur (KLHA)

▼ Kanak-kanak kurang bernasib baik bergembira semasa lawatan Kelab AmBank Group ke Zoo Negara.





◀ Fiesta Harmoni 2004 - Orang ramai menyambut kedatangan Tahun Baru di Dataran Merdeka.



▲ Penari-penari tradisional Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyeronokkan suasana Fiesta Harmoni di Dataran Merdeka.

November 2003

- Kelab AmBank Group mengadakan Majlis Berbuka Puasa sempena bulan Ramadhan bersama kakitangan di Bangunan AmBank Group
- Kumpulan AmBank menjadi pengacara kepada lima ahli bank daripada Malawi Central Bank apabila mereka melawati Bangunan Kumpulan AmBank

Disember 2003

- Perdana Menteri, Y A B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadiri Fiesta Harmoni Kumpulan AmBank untuk menjemput Tahun Baru 2004 di Dataran Merdeka
- Kumpulan AmBank menyumbang sejumlah RM20,000 kepada Dewan Perniagaan Perdagangan Melayu Malaysia (Malay Chamber of Commerce Malaysia)
- Kumpulan AmBank memberi sumbangan sejumlah RM50,000 kepada Yayasan Budi Penyayang Malaysia sebagai sokongan kepada industri tekstil batik tempatan
- Pengerusi, Kumpulan AmBank, Tan Sri Dato' Azman Hashim dan isterinya, Y M Tunku Arishah Tunku Maamor, mengadakan rumah terbuka sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri



▶ Penari-penari menyaksikan pertunjukan bunga api di Fiesta Harmoni



◀ Kumpulan AmBank dalam sukan: Encik Mohamed Azmi Mahmood, Ketua Perbankan Runcit, Kumpulan AmBank, bertemu dengan para pemain di Kejujutan Futsal Pertama Kelab AmBank Group.



▶ Boling kelapa kanak-kanak semasa Hari Keluarga Kawasan 5 Kumpulan AmBank di Kuantan.

Januari 2004

- Kelab AmBank Group menganjurkan Perlawanan Golf Kelab AmBank Group yang ketiga

Februari 2004

- Kumpulan AmBank menyertai Seminar Perbankan Pengguna Islam, dihadiri oleh Encik Ahmad Zaini Othman
- Enam pegawai dari Republik Kyrgyz melawat Kumpulan AmBank dan telah diberi taklimat mengenai Aktiviti Perbankan Islam Kumpulan
- Persatuan Bank-bank di Malaysia (The Association of Banks in Malaysia atau ABM), Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia (Association of Finance Companies of Malaysia, AFCM) dan Persatuan Bank-bank Saudagar di Malaysia (Association of Merchant Banks in Malaysia, AMBM) menganjurkan jamuan bersama untuk Gabenor Bank Negara Malaysia, Y Bhg Tan Sri Dato' Sri Dr Zeti Akhtar Aziz

Mac 2004

- Kumpulan AmBank menyumbang RM73,195.40 kepada Rumah Berkat, Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk membantu Rumah tersebut dalam kos operasi hariannya dan juga memperbaiki kemudahan yang disediakan
- AmlInvest telah melancarkan promosi Malaysian Charity Draw (MCD) untuk membantu Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPOC) untuk memungut derma untuk projek kebajikannya.
- Kelab AmBank Group telah menganjurkan dua Kempen Menderma Darah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menderma darah



▶ Untuk komuniti: Kempen Menderma Darah Kelab AmBank Group – Encik Ahmad Zaini, Presiden KAG 2003/2004 memerhati seorang kakitangan Kumpulan menderma darah.



◀ Y Bhg Tan Sri Dato' Lee Lam Thye, Pengerusi Lembaga Pengunjung HKL (kedua dari kiri), menerima cek daripada Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi Kumpulan AmBank (kedua dari kanan) bersama Encik Harolhanam Bin Mohamed Wahid, Pengerusi Rumah Berkat HKL dan Puan Noor Majidah Binti Wallad, Timbalan Pengarah HKL.



▲ Para peserta Acara Mencari Harta Karun Kelab AmBank Group sebelum acara bermula di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara.

April 2004

- Kelab AmBank Group menganjurkan Acara Mencari Harta Karun tahunan untuk ahli-ahlinya dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, dengan penyertaan 428 orang ahli dengan sebanyak 107 buah kereta

Mei 2004

- AmAssurance Berhad menganjurkan Konvensyen Nasional AmAssurance 2003 yang ke-16 di Kuantan untuk meraikan pertumbuhannya yang pesat
- Sejumlah 1,260 orang kakitangan berkumpul untuk menghadiri Hari Keluarga Kawasan 5 AmBank 2004 di Kuantan

Jun 2004

- Kelab AmBank Group menganjurkan Karnival Sukan Wilayah 2004 yang pertama di Penang Free School di Georgetown, Pulau Pinang
- Seramai 761 orang kakitangan dan ahli keluarga Kumpulan AmBank menyertai Hari Keluarga Kawasan 2 di Clearwater Sanctuary Golf Resort di Batu Gajah, Perak



◀ Acara larian berkaki-tiga untuk kanak-kanak di Hari Keluarga Kawasan 2 di Ipoh.

▼ Sambutan yang baik dari kakitangan dan ahli keluarga di Hari Keluarga Kawasan 2 di Ipoh.

Tan Sri Dato' Azman Hashim dan Y M Tunku Arishah di Clearwater Sanctuary, Hari Keluarga Kawasan 2 di Ipoh.



▲ Tan Sri Dato' Azman Hashim (kedua dari kiri) dan Y M Tunku Arishah, bersama Dato' Azlan Hashim dan Encik Ng Lian Lu di Konvensyen Nasional AmAssurance 2004 di Kuantan.



Takwim Korporat

21 November 2003

Syarikat menyelesaikan penerbitan bonus sebanyak 505,761,819 saham biasa baru RM1.00 setiap satu di dalam Syarikat mengikut kadar satu (1) saham biasa baru untuk setiap dua (2) saham biasa sedia ada yang dipegang di dalam Syarikat (Terbitan Bonus).

6 Januari 2004

Syarikat menyelesaikan penerbitan hak boleh dilepaskan sebanyak 303,457,091 saham biasa baru di dalam Syarikat pada harga terbitan RM1.10 setiap saham biasa baru mengikut kadar satu (1) saham biasa baru untuk setiap lima (5) saham biasa yang dipegang di dalam Syarikat selepas Terbitan Bonus.

25 Februari 2004

Syarikat mengumumkan bahawa subsidiari milik penuh AMFB, AmFinance, telah menandatangani perjanjian penjualan dan pembelian bersyarat dengan MBf Corporation Berhad bagi penjualan semua 100.0% kepentingan ekuitinya dalam MBf Property Trust Management Berhad berjumlah 1,000,000 saham biasa pertimbangan tunai sebanyak RM1.00.

26 Februari 2004

Syarikat mengumumkan bahawa Horizon View Sdn Bhd (HVSB), sebagai subsidiari AmFinance, telah dikeluarkan daripada Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan dibubarkan. Kedua-dua HVSB dan MVP tidak memulakan operasi mereka sejak ditubuhkan masing-masing pada 28 Oktober 1991 dan 26 Oktober 1993.

27 Februari 2004

Syarikat mengumumkan cadangan penswastan AMFB Holdings Berhad, melalui pengambilan Syarikat ke atas saham biasa AMFB yang tinggal yang masih belum dimiliki Syarikat.

31 Mei 2004

Syarikat mengumumkan cadangan penyenaiaan kumpulan perbankan pelaburannya melalui syarikat yang baru diperbadankan.

Pengumuman persetujuan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk yang berikut:

- i) AHB memulakan perbincangan dengan AmMerchant bagi cadangan pengambilalihan sebanyak 47,116,000 saham biasa RM1.00 setiap satu oleh AHB di dalam AmAssurance Berhad (AMAB), mewakili 47.1% kepentingan ekuiti dalam AMAB daripada AmMerchant Bank.
- ii) AHB memulakan perbincangan dengan ABH Holdings Berhad (ABH) bagi cadangan pengambilalihan oleh AmBank Berhad, sebuah syarikat subsidiari milik penuh AHB, sehingga 20,000,000 saham biasa RM1.00 setiap satu dalam AMAB, yang mewakili sehingga 20.0% kepentingan ekuiti dalam AMAB.

28 Jun 2004

AmSecurities Holding Sdn Bhd menyelesaikan pengambilan kepentingan minoriti di dalam AmSecurities Sdn Bhd, mewakili 2.5% kepentingan ekuiti dalam AmSecurities Sdn Bhd, yang dijelaskan melalui bayaran wang berjumlah RM9,396,604 dan menjadikan AmSecurities Sdn Bhd sebuah subsidiari milik penuh.

2004

88

Takwim Kewangan

30 Mei 2003

Pengumuman keputusan penyatuan yang diaudit dan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

15 Ogos 2003

Pengumuman keputusan penyatuan sebelum diaudit untuk suku pertama tahun kewangan berakhir 30 Jun 2003.

29 Ogos 2003

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-12, Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen, dan Laporan Tahunan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

8 September 2003

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-13 bagi Mandat Pemegang Saham untuk Urus Niaga Pihak Berkaitan Berulang.

19 September 2003

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-14 bagi Terbitan Bonus dan Hak.

24 September 2003

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-12 dan Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-13.

30 September 2003

Tarikh Kelayakan dividen pertama dan akhir.

13 Oktober 2003

Mesyuarat Agung Luar Biasa Ke-14

15 Oktober 2003

Pembayaran dividen pertama dan akhir sebanyak 5.0% tolak cukai untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

21 November 2003

Pengumuman keputusan penyatuan sebelum diaudit untuk setengah tahun kewangan berakhir 30 September 2003.

27 Februari 2004

Pengumuman keputusan penyatuan sebelum diaudit untuk suku ketiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

31 Mei 2004

Pengumuman keputusan penyatuan yang diaudit dan dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

6 September 2004

Notis Pemberitahuan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-13, Notis Kelayakan dan Pembayaran Dividen, dan Laporan Tahunan untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2004.

29 September 2004

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-13.

2004